



PEJABAT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

BIL	No. Rujukan	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	Tarikh & Masa Tutup Sebutharga
1.	<i>PTYT(S) 400/1/6 (26)</i>	<i>Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Bangunan Istana Melaka.</i>	<i>221001 – Pembersihan Bangunan Dan Pejabat</i>	<i>08 Mei 2020 (Jumaat) Jam 12.00 tgh.</i>
2.	<i>PTYT(S) 400/1/5 (23)</i>	<i>Perkhidmatan Kerja-kerja Penyelenggaraan Kebersihan Dan Lanskap Di Istana Melaka.</i>	<i>221002 - Membersih Kawasan</i>	<i>08 Mei 2020 (Jumaat) Jam 12.00 tgh.</i>
3.	<i>PTYT(S) 400/1/2 (50)</i>	<i>Perkhidmatan Kerja-kerja Penyelenggaraan Kebersihan Dan Lanskap Di Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka</i>	<i>221002 - Membersih Kawasan</i>	<i>08 Mei 2020 (Jumaat) Jam 12.00 tgh.</i>

2. Dokumen sebut harga boleh didapati di **Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, Jalan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka** dengan percuma pada waktu pejabat seperti berikut:

Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi - 12.45 tengah hari dan
2.00 petang - 5.00 petang

Jumaat : 8.00 pagi - 12.00 tengah hari dan
2.45 petang - 5.00 petang

3. Pemohon yang berkelayakan dan berminat **diwajibkan** hadir untuk membuat lawatan pada **07 Mei 2020 jam 10.00 bertempat di Istana Melaka.**

4. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan ditulis di penjuru kiri sampul berkenaan seperti berikut :-

i "SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN ISTANA MELAKA BUKIT BERUANG" bagi tawaran 1.

ii "SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEBERSIHAN DAN LANSKAP DI ISTANA MELAKA BUKIT BERUANG" bagi tawaran 2

iii **“SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEBERSIHAN DAN LANSKAP DI PEJABAT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA” bagi tawaran 3**

Dokumen hendaklah dihantar di alamat di bawah pada atau sebelum tarikh tutup pada **08 Mei 2020 jam 12.00 tengahari**. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

**Pemangku Setiausaha Sulit kepada TYT
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka,
Jalan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,
Ayer Keroh, 75450 Melaka**

5. Pentadbiran ini hanya membenarkan **seorang wakil sahaja** daripada mana-mana syarikat bagi urusan mengambil borang sebut harga dan lawatan tapak.
6. Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka tidak terikat untuk menerima Sebutharga dengan harga terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka adalah muktamad

Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui talian berikut:

06-2307218



(MOHD HARITH BIN RAHMAD)
Pemangku Setiausaha Sulit kepada TYT
Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Tarikh : 4 / 5 / 2020